

# Orang Cina Dalam Pentadbiran Kedah Era Pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah, 1881-1943

Rozaini Ahmad

SuffianMansor

Jabatan Sejarah, Universiti Malaya,Kuala Lumpur, Malaysia.

[rozainiahmad@yahoo.com](mailto:rozainiahmad@yahoo.com)

## Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan peranan orang Cina dalam pentadbiran Kedah. Peranan etnik ini akan dilihat dalam era pemerintahan Sultan Abdul Hamid Shah yang bermula pada tahun 1881 hingga 1943. Kelompok etnik tersebut merupakan imigran yang pada asalnya telah melakukan penghijrahan ke Kedah. Kesan penghijrahan tersebut telah menyebabkan berlakunya perkembangan yang positif terutamanya dalam aspek ekonomi. Dalam konteks kertas kerja ini, persoalan pokok yang akan menjadi fokus perbincangan ialah sejauh mana peranan yang dimainkan oleh orang Cina seiring dengan pembangunan negeri khususnya dalam aspek pentadbiran Kedah. Perbincangan di sekitar persoalan tersebut akan ditumpukan pada jawatan-jawatan penting yang telah dipegang oleh orang Cina dalam pentadbiran Kedah di era pentadbiran Sultan Abdul Hamid. Selain itu, perbincangan ini juga akan turut mencakupi jabatan-jabatan sokongan di Kedah dalam memastikan pentadbiran negeri berjalan lancar. Sebagai kajian sejarah, sebahagian besar rujukan yang digunakan adalah disandarkan kepada sumber-sumber primer seperti Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid, Laporan Tahunan Kedah, dan fail-fail Setiausaha Kerajaan Kedah yang diperoleh daripada Arkib Negara Kedah dan Arkib Negara Kuala Lumpur. Berdasarkan sumber-sumber berikut didapati di era ini terdapat orang Cina yang telah memegang jawatan penting dalam pentadbiran Kedah. Misalnya, Choong Cheng Kean salah seorang yang dilantik sultan memegang beberapa peranan penting. Salah satunya sebagai bendahari sultan. Setelah campur tangan British pada tahun 1909 soal pemilihan pegawai dalam pentadbiran begitu dititik beratkan. Jabatan-jabatan yang ditubuhkan dalam negeri pula telah memberi banyak peluang kepada orang biasa terlibat dalam pentadbiran negeri. Bagi orang Cina dilihat lebih banyak terlibat dalam bidang pengkeranian dan jururubaha. Pejabat daerah dan mahkamah antara dua jabatan yang didapati banyak kakitangan Cina yang berkhidmat di dalamnya. Secara keseluruhannya, dapat dinyatakan orang Cina sememangnya memiliki peranannya tersendiri dalam pentadbiran Kedah walaupun keutamaan sebenarnya adalah kepada orang Melayu.

**Kata Kunci : Penghijrahan, Orang Cina, Pentadbiran, Sultan Abdul Hamid, Kedah**

## Pengenalan

Negeri Kedah tidak terkecuali menerima kedatangan imigran Cina. Kedatangan kelompok tersebut disebabkan faktor penolak dan faktor penarik. Kesan kedatangan mereka juga telah mempengaruhi era perkembangan pentadbiran Kedah. Oleh itu dalam era pemerintahan Sultan Abdul Hamid, baginda telah mencorakkan pentadbiran negeri agar lebih mapan dengan melakukan penstruktur semula. Contohnya, berdasarkan kenyataan Khoo Kay Kim,(Arkib Negara Malaysia, 2003)

*"Kedah dapat mengembangkan sistem politik yang lebih tersusun daripada negeri-negeri Melayu Barat (Perak, Selangor dan Negeri Sembilan ) sebelum*

*Campur tangan Inggeris, kerana Kedah sudah mempunyai pegawai-pegawai berpengalaman dan dapat memainkan peranan yang berkesan dalam sistem pentadbiran, kerana itu Kedah tidak perlu bergantung kepada begitu ramai pegawai Inggeris sebagaimana Perak dan Selangor"*

Oleh itu, berdasarkan kenyataan tersebut jelas membuktikan Kedah memiliki identiti tersendiri dalam mencorakkan struktur pentadbirannya. Peluang pekerjaan kepada orang asing juga turut dibuka bagi menjana ekonomi negeri. Situasi tersebut telah menarik peluang kepada orang asing seperti orang Cina, India dan pedagang-pedagang lain membawa haluan ke negeri Kedah. Saudagar-saudagar Cina dan India menjalankan aktiviti perniagaan terutama di AlorSetar, Kuala Muda dan Baling(Ibrahim Ismail, 2008). Sejak itu, telah berlaku pertambahan penduduk dalam negeri Kedah.

Pertambahan orang Cina telah menimbulkan persoalan iaitu sejauh mana peranan orang Cina seiring dengan perkembangan pembangunan negeri khususnya dalam aspek pentadbiran?. Dalam hal ini, pentadbiran tradisional Kedah begitu dititik beratkan terutama oleh golongan elit Kedah. Ini disebabkan mereka mengalami kerisauan sekiranya berlaku penglibatan orang Cina dalam politik Kedah. Namun keperluan kakitangan dalam jabatan-jabatan sokongan memungkinkan mereka untuk menolak kelompok tersebut.

Sebelum membincangkan peranan orang Cina dalam pentadbiran Kedah, tumpuan juga akan diberikan kepada sejarah penghijrahan mereka. Manakala, bukti-bukti awal juga telah menyatakan bahawa sudah wujud penempatan orang Cina di Kedah. Apa yang menariknya lagi, dinyatakan sudah terdapat orang Cina berkhidmat dalam pentadbiran Kedah. Kenyataan tersebut seperti mana diutarakan dalam buku *A Gallery of Kapitans*(Wong, 1963). Kejujuran, kesetiaan dan kebijaksanaan yang ditunjukkan orang Cina tersebut kepada sultan telah melahirkan satu hubungan yang baik antara pemerintah dan rakyatnya. Selain itu, menurut penulisan Sharom Ahmat dalam *Traditional and Change in a Malay State : A Study of the Economic and Political Development 1878-1923*, juga telah menyebut beberapa peranan awal orang Cina dalam pentadbiran Kedah. Dengan kata lain, penglibatan orang Cina dilihat telah bermula di sejak Kedah berada di bawah kepimpinan Sultan Ahmad Tajuddin Mukaram Shah III.

Oleh itu, dalam kertas kerja ini perbincangan akan melihat dengan lebih mendalam peranan orang Cina dalam pentadbiran Kedah di era Sultan Abdul Hamid. Pembabitan mereka akan dilihat berdasarkan sudut pentadbiran negeri Kedah yang melibatkan aspek syarat pengambilan kakitangan-kakitangan kerajaan.

## **Penghijrahan Etnik Cina Ke Kedah**

Kedatangan orang Cina ke Kedah menjadi perbincangan dan terdapat pelbagai pandangan yang membuat tafsiran mengenai tahun sebenar kedatangan kelompok tersebut. Ini disebabkan tiadanya rekod rasmi yang boleh membuktikan kesahihan tahun kedatangan mereka. Misalnya, pada tahun 1785 telah dianggarkan sebanyak 100 000 orang penduduk di Kedah. Selain itu, terdapat juga anggaran yang menyatakan sudah terdapat 60 000 orang di Kedah yang mana melibatkan orang Melayu, Cina, Chuliadan Sam-Sam(R. Bonney, 1971).

Sementara itu menurut laporan Light, telah menyatakan bahawa sejarah kedatangan orang Cina adalah sekitar tahun 1876. Ini disebabkan beliau dikatakan berada di Pulau Pinang, kemudian terdapat orang Cina datang menemui Light untuk menghadiahkan jaring(Ismail Md Isa, 1988/1989). Berdasarkan laporan itu dinyatakan kemungkinan kedatangan orang Cina ketika itu adalah dari kawasan yang berdekatan. Misalnya, kawasan Kuala Muda atau Kulim. Ini disebabkan kawasan tersebut merupakan tumpuan awal ekonomi orang Cina.

Satu lagi pandangan yang cuba untuk mengukuhkan tahun kedatangan orang Cina di Kedah ialah berdasarkan buku cenderamata Persatuan Kwangtung dan Teochew(Ismail Md Isa, 1988/1989). Di dalam buku tersebut telah menyatakan bahawa sudah terdapat orang Cina mendiami di kawasan Alor Setar yang dinamakan " Pekan Cina". Pada awal tahun 1850-an persatuan tersebut telah ditubuhkan seiring dengan perkembangan perniagaan orang Cina di Pulau Pinang. Seperkara lagi, pada tahun 1850-an juga sebuah syarikat perniagaan Cina telah berpusat di Pekan Cina Alor Setar. Syarikat ini dikatakan telah ditubuhkan oleh etnik Kantonis.

Seterusnya dalam melihat transisi negeri Kedah, perubahan telah berlaku pada era pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin dan Zamani tersebut digelar " Zaman Pembangunan di dalam Negeri Kedah". Proses pembangunan Kedah ini telah menggalakkan kedatangan saudagar-saudagar asing untuk menjalankan kegiatan ekonomi di Kedah. Dasar terbuka dalam kegiatan ekonomi telah menyebabkan pada tahun 1868 banyak kedai-kedaibatudi Alor Setar dibina(Muhammad Hassan, 1968). Penelitian mendapati kebanyakan kedai tersebut dibina oleh saudagar-saudagar berbangsa Keling, Hindu dan Cina(Baharuddin Abdul Majid, 1979). Manakala pada tahun tersebut juga, sultan Ahmad Tajuddin telah melantik seorang kapitan Cina yang bernama Ah Sang. Beliau berperanan sebagai ketua dalam mengawal orang Cina. Beliau juga mempunyai hubungan baik dengan sultan dan orang Melayu. Pelantikan beliau telah membawa gelaran baru iaitu sebgai Dato' Wijaya Besara.

Pada peringkat awal kedatangan orang Cina ke Kedah adalah tertumpu di kawasan yang sudah didiami oleh orang Cina. Ini disebabkan oleh faktor keselamatan dan persamaan budaya memudahkan mereka dalam menjalani kehidupan seharian. Mereka juga memiliki kebudayaan tradisi yang berbeza dengan masyarakat tempatan. Ini menunjukkan aspek hubungan sosial menjadi keutamaan mereka yang tinggal secara berkelompok.

Sejarah telah membuktikan bahawa kebanyakan orang Cina yang datang ke Tanah Melayu berasal dari Cina Selatan. Kedatangan mereka juga dalam pelbagai suku kaum. Oleh itu terdapat empat kumpulan dialek Cina yang terbesar di Kedah iaitu Teochew, Hokkien, Kantonis dan Hakka(Wu Xiao An, 2003). Namun, di Kedah suku Hokkien merupakan suku yang paling dominan dan mereka didapati membentuk perniagaan keluarga sendiri. Suku Hokkien ini datangnya dari kawasan Fukien yang juga dikenali sebagai Fujian. Seterusnya dari segi dialek kelompok bahagian selatan itu seperti Amor, Kinmin,

Tungan, Anki, Hanan, Yungchandansebagainya. Semua dialek tersebut adalah merujuk kepada suku Hokkien(Ju-K'angTien, 1997).

Penghijrahan etnik tersebut di Kedah dilihat pada awalnya memfokuskan terhadap ekonomi. Namun dapat dinyatakan juga peralihan dalam tampuk pemerintahan turut mendorong kepada perkembangan dalam pentadbiran. Struktur pentadbiran di Kedah disusun ke arah lebih moden dan tetap bertunjangkan corak Melayu tradisional. Misalnya, bermula pada abad ke-18 ketika Kedah diperintah oleh Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah III. Kemudiannya diteruskan dengan pemerintahan Kedah oleh Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Di dalam kedua-dua era pemerintahan ini dapat dilihat wujudnya peranan orang Cina yang mula diberi perhatian oleh peneraju negeri. Walaupun hanya dalam sebilangan kecil pada awalnya namun peranan tersebut amat penting seiring mengatasi pertambahan imigran Cina ke Kedah.

### **Peranan Awal Orang Cina dalam Pentadbiran Kedah**

Sebelum pentadbiran Kedah berada di bawah pimpinan Sultan Abdul Hamid, orang Cina sememangnya sudah menempatkan diri dalam pentadbiran Kedah. Pelantikan mereka pula juga berbeza berbanding selepas campur tangan British iaitu era Sultan Abdul Hamid. Peranan orang Cina dalam pentadbiran mula dapat dilihat semasa era pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin III iaitutempoh pemerintahan baginda bermula pada tahun 1854 hingga 1879. Penglibatan mereka adalah atas pemerintah ketika itu yang telah mengatur struktur pentadbiran negeri agar lebih cekap dan tersusun. Struktur pentadbiran yang cekap dan tersusun ini dapat digambarkan dan dilihat apabila baginda bersama Perdana Menterinya iaitu Wan Muhammad Saman telah melakukan lawatan ke Thailand pada tahun 1865 yang bertujuan untuk meninjau aspek pembangunan di sana(Ju-K'angTien, 1997). Kesan lawatan tersebut juga telah memberi ilham kepada baginda dalam merangka struktur pentadbiran negeri Kedah agar lebih tersusun. Sejak itu banyak peluang dibuka bagi menstabilkan ekonomi Kedah.

Ini disebabkan semasa Kedah di bawah pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin, baginda amat menitikberatkan soal pembangunan negeri Kedah. Oleh itu dalam membangunkan aspek pembangunan tersebut baginda telah menggalakkan kemasukan peniaga-peniaga asing untuk menjalankan kegiatan ekonomi di Kedah. Manakala, peluang terbuka tersebut telah menarik perhatian ramai pihak sehingga berlaku kebanjiran orang asing di Kedah. Contohnya, kedatangan saudagar-saudagar Cina yang telah membuka kebun pertanian menerusi sistempajakan(Foziah Hat, 1990/1991). Kesan daripada itu telah berlaku permintaan buruh yang mana kemudiannya buruh-buruh asing telah dibenarkan dibawa masuk ke Kedah.

Selain itu dapat dibuktikan juga iaitu pada tahun 1868 didapati banyak kedai telah dibina contohnya di Alor Setar, yang mana menunjukkan wujudnya perniagaan di kawasan tersebut. Pertambahan orang Cina telah menyebabkan baginda mengambil langkah dengan melantik beberapa orang Cina untuk memegang jawatan penting dalam pentadbiran Kedah(Arkib Negara Malaysia, 2003). Langkah tersebut diambil bertujuan untuk memastikan orang Cina berada dalam keadaan terkawal di Kedah. Mereka yang dilantik ialah Lee Yok Cheng dan Lee Yok Siew. Kesan pertambahan imigran Cina di Kedah menjadi faktor pelantikan mereka berdua. Sultan mengambil langkah awal bagi melakukan pengawalan ke atas orang-orang Cina yang datang ke Kedah. Ini disebabkan orang Cina yang datang didapati turut menjalankan perniagaan dan ada yang terlibat sebagai kuli dalam kegiatan ekonomi di Kedah. Seperti mana diketahui, sebelum abad ke-19 jumlah kedatangan orang Cina ke Kedah adalah dalam skala kecil. Keadaan ini berbeza dengan pertengahan abad ke-19 dan awal abad ke-20 kedatangan orang Cina menunjukkan perubahan begitu ketara.

Sesuatu yang menarik di sini iaitu apabila orang Melayu menerima kehadiran Leek Yok Cheng dan Lee Yok Siew dalam kehidupan mereka. Selain itu mereka berdua turut mendapat kepercayaan tinggi, bukan sahaja daripada sultan malah orang Melayu di Kedah. kehidupan bermasyarakat jelas berlaku antara mereka, ini dilihat apabila orang Melayu lebih selesa menggelarkan mereka sebagai Eh Tok dan Eh Ma. Mereka juga berperanan sebagai peniaga yang mana telah membuka perniagaan di Alor Setar.

Sehubungan itu, terdapat sebab lain yang mempengaruhi perlantikan mereka berdua dalam pentadbiran Kedah. Ini melalui anugerah ampun-kurnia yang telah diberikan sultan kepada mereka. Anugerah tersebut adalah sebagai hadiah diraja dan sebagai gantigaji (Sharom Ahmat, 1984). Sementara itu, mereka juga mendapat hak mengutip cukai ke atas komoditi tertentu. Anugerah tersebut tidak mudah diperoleh oleh mana-mana individu melainkan individu itu telah mendapat kepercayaan daripada sultan. Ini telah dibuktikan oleh mereka berdua dalam menunjukkan kesungguhan dan kejujuran menjalankan tugas. Mereka juga memperoleh manfaat apabila diberi hak memonopoli hasil ladang di Kedah dan mereka turut berperanan sebagai pemajak. Selain itu, dapat dinyatakan juga ampun-kurnia merupakan geran daripada sultan. Keadaan ini yang mana tempoh sah pemegang geran tersebut adalah sepanjang hidup dan apabila sudah meninggal geran atau ladang yang telah dianugerahkan akan kembali kepadanegeri (Sharom Ahmat, 1984).

Sejajar dengan perlantikan mereka, sultan juga telah menganugerahkan mereka tombak, keris yang telah disemat dengan berlian. Pemberian baginda sultan tersebut jelas membuktikan kedudukan mereka dalam pentadbiran Kedah dan peranan yang diamanahkan adalah sangat penting. Kepercayaan yang diberikan dan tanggungjawab yang dipikul tersebut adalah lambang yang berharga terhadap diri mereka sendiri.

Memungut cukai adalah suatu tugas yang penting dalam sesebuah negeri. Sultan berkuasa dalam menentukan siapa yang berhak mengutip cukai. Akhirnya, tugas tersebut juga telah diamanahkan kepada Eh Ma dan Eh Tok. Sejak itu, mereka telah berperanan dalam memungut cukai eksport, cukai pengangkutan dan sebagainya. Kemudian, perkhidmatan mereka telah berterusan sehingga pemerintahan Sultan Abdul Hamid sebagai contoh pada awal abad ke-19 mereka masih setia dalam pentadbiran Kedah. Kedua-dua beradik tersebut yang sangat dihormati dengan kejujuran dan adiloleh orang Melayu membuatkan mereka disenangi dalam menjalankan peranan yang diamanahkan.

Di era pemerintahan Sultan Abdul Hamid, mereka masih memegang jawatan yang sama iaitu sebagai pemungut cukai. Selain itu, Lee Yok Siew juga berperanan sebagai bendahari kepada sultan. Beliau ditugaskan mengendalikan hal ehwal kewangan sultan. sebagai contoh, apabila berlaku hubungan perdagangan antara Kedah dan Pulau Pinang, sultan akan menghantar Lee Yok Siew untuk menguruskan kegiatan tersebut. Manakala sepanjang perkhidmatan beliau, sultan telah membayar gaji sebanyak \$80 sebulan. Sementara itu, mereka juga diberi keistimewaan dan penghormatan untuk berada di tempat yang tinggi dalam majlis-majlis yang diadakan, misalnya majlis perkahwinan kerabat diraja Melayu.

Sementara itu mereka juga menguruskan hal pajakan dalam negeri. Ini dapat dilihat berdasarkan surat-surat pajak ketika itu yang menunjukkan peranan dan tugas mereka dalam menguruskan soal pajakan dalam negeri. Oleh itu, urusan pajakan adalah berada pada mereka. Contohnya berdasarkan surat-surat pajakan Sultan Abdul Hamid yang telah menjelaskan berkaitan dengan pajakan yang manamelibatkan Lee Yok Siew dan Lee Yok Cheng dalam mengendalikan hal tersebut. Ini dapat dibuktikan pada tahun 1876 telah berlaku pajakan di Kuala Muda Merbok yang dilakukan oleh seorang individu yang bernama Ku Itam dan beliau ingin melakukan pajakan kayu rakit (SMSAH, 1827-1887). Permintaan pajakan tersebut telah diarahkan sultan kepada Lee Yok Siew agar diluluskan. Kemudian, Lee

YokSiewtelahditegaskan supaya hasil pajakan tersebut dibayar sebanyak tiga ratus rial. Namun, jika pembayaran tidak dilakukan, akan terlucutlah pajakan tersebut dan akan terus dilelong. Sebagai pembantu sultan Lee YokSiew berperan dalam menyelesaikan segala hal pajakan tersebut. Ini disebabkan di setiap kawasan yang sama akan terdapat beberapa orang yang akan melakukan pajakan.

Penghijrahan orang Cina juga telah memberi kesan positif dalam perkembangan negeri. Misalnya, kehadiran seorang imigran Cina itu Choong Cheng Kiandari pada abad ke-19 ke Kedah telah memberikan suatu perubahan dalam negeri. Penghijrahan beliau berlaku dalam tahun 1860-an hingga 1960-an (Wu Xiao An, 2002). Kewibawaan beliau telah memberi keyakinan kepada golongan diraja Kedah untuk terus menjalinkan hubungan dengan beliau. Beliau antara yang terpilih dan diberi keistimewaan oleh Sultan apabila dilantik menjadi orang tengah atau ejen dalam menguruskan pentadbiran ekonomi negeri Kedah yang menghubungkan antara Kedah dan Pulau Pinang.

Pada abad ke-19, hasil perkenalan beliau dengan Raja Muda Tunku Abdul Aziz juga telah melahirkan hubungan persahabatan antara mereka. Kesan persahabatan yang terjalin itu, Raja Muda telah menganugerahkan beliau monopoli candu dan judi di Kedah. Ketika itu, beliau menjadi terkenal sebagai peniaga yang berjaya.

Sementara itu, Sultan turut melantik beliau sebagai bendahari. Walaupun ketika itu dalam pentadbiran Kedah sememangnya mempunyai bendahari dalam kalangan orang Melayu. Namun pelantikan beliau sebagai bendahari adalah menguruskan hal kewangan Sultan. Misalnya, beliau diperintahkan untuk membayar bil-bil hutang kerabat diraja Kedah. Contohnya, beliau membayar hutang Tunku Abdul Rahman pada tahun 1892 di Pulau Pinang. Kemudian, beliau juga berperanan dalam berkomunikasi dengan pihak Siam. Misalnya tahun 1895, beliau diarahkan Sultan untuk memberi \$1000 kepada pihak Siam sebagai bayaran untuk pembersihan Sungai Kerian. Selain itu, beliau juga berperanan dalam hal duti eksport, serta percukaian.

Kejayaan beliau dalam negeri Kedah telah membawa pengaruh yang sangat besar. Keakraban beliau dengan sultan dan peranan yang dipegang beliau telah dijalankan dengan baik terutama dalam hal kewangan negeri yang mana melibatkan keuntungan hasil ekonomi. Kepercayaan yang diberikan sultan terhadap beliau telah membuktikan kedudukannya sebagai pembantu sultan yang berjaya. Walau bagaimanapun, peranan beliau tidak terus bertahan lama apabila pada tahun 1916 beliau telah meninggal dunia.

## Jawatan Orang Cina dalam Pentadbiran Negeri Kedah

### Pengkeranian

Terdapat pelbagai peranan yang dimainkan oleh orang Cina setelah kemasukan British di Kedah. Keperluan terhadap tenaga kerja dalam jabatan-jabatan mendorong etnik tersebut keluar dalam mencuba nasib untuk berkhidmat dalam pentadbiran Kedah. Walau bagaimanapun bilangan penglibatan mereka adalah lebih kecil berbanding dengan orang Melayu yang sememangnya menjadi keutamaan dalam pentadbiran Kedah. Oleh itu, bidang pengkeranian salah satu jawatan yang didapati banyak dijawat oleh orang Cina.

Sementara dalam perbincangan ini diberi fokus terhadap beberapa bidang kerja sahaja yang memperlihatkan pembabitan ramai orang Cina. Antaranya, bidang kerja pengkeranian dan jurubahasa Cina di jabatan-jabatan tertentu. Dalam setiap pemilihan jawatan, setiap calon haruslah melepas syarat-syarat kelayakan sebelum terpilih menjawat jawatan dalam pentadbiran Kedah. Mereka akan menghadapi peperiksaan yang merangkumi pelbagai peringkat soalan. Berdasarkan kajian ditemui ramai orang Cina yang berperanan dalam bidang kerja pengkeranian. Terdapat dua jawatan kerani yang berbeza dalam pentadbiran negeri Kedah yang telah diwujudkan di setiap jabatan di Kedah dan mengikut bidang masing-masing. Jawatan kerani tersebut adalah kerani Inggeris dan kerani Melayu (SMSAH, 1918). Terdapat juga orang Cina yang menjawat sebagai kerani Melayu kerana fasih dalam berbahasa Melayu dan penulisan. Manakala, bagi kerani Inggeris menjadi suatu kelebihan kepada mereka yang terpilih kerana dari aspek pembayaran gaji dilihat kerani Inggeris memperoleh gaji yang lebih tinggi. Seperti dalam pengambilan kerani Inggeris, pemohon atau calon yang ingin berkhidmat adalah mereka yang mempunyai *Oxford Junior Local Examination Certificate* atau *Cambridge Junior Local Examination Certificate*. Kemudian bagi mereka yang telah layak berkhidmat sebagai kerani Inggeris gred III akan menghadapi peperiksaan seterusnya untuk ke gred II. Oleh itu, mereka harus mengambil peperiksaan pengkeranian peringkat junior yang mana merangkumi empat peringkat. Antara peperiksaan tersebut pertama berkaitan dengan *general orders*, akaun, kebolehan membuat ringkasan dan penulisan surat dan *English Conversation* yang memerlukan mereka memberi pandangan untuk menguji mengenai pengetahuan am dan *fitness* untuk memikul tanggungjawab (SUK.K, 1924).

Jawatan kerani juga memiliki gred-gred tertentu bagi menjelaskan tahap kecekapan dan kesesuaian seseorang pekerja tersebut. Dalam jabatan-jabatan pentadbiran Kedah setiap pegawai memiliki gred kerja tersendiri. Manakala, jumlah bayaran gaji mereka pula berdasarkan gred-gred yang ditetapkan. Boleh dinyatakan hampir semua jabatan dalam pentadbiran Kedah ditempatkan orang Cina yang berkhidmat sebagai kerani. Berdasarkan kajian juga didapati orang Cina lebih menjurus berperanan sebagai kerani Inggeris. Penguasaan mereka dalam bahasa Inggeris memungkinkan terpilih menjawat jawatan tersebut. Ini disebabkan setiap urusan pejabat banyak melibatkan pihak British sebelum sampai ke MMN bagi memutuskan setiap permohonan dalam pentadbiran negeri.

Pada tahun 1918, hanya tiga orang Cina yang dapat dikenal pasti berkhidmat sebagai kerani. Merekaialah Boey Loong Siang, Khoh Eng Hock dan Koh Ah Cheo. Mereka ini telah dihantar oleh daerah Kulim dan Alor Setar bagi menduduki peperiksaan perkhidmatan kerajaan Kedah. Mereka bertiga berperanan sebagai Kerani Inggeris di Jabatan Kerja Raya Kulim dan Jabatan Perubatan Alor Setar (SUK.K, 1924). Mereka ini antara yang terawal orang bukan Melayu yang ditemui berkhidmat dalam jabatan-jabatan tersebut yang ditemui dalam SMSAH. Sementara itu, bagi tahun-tahun berikutnya berlaku pertambahan penglibatan orang Cina sebagai kerani dalam pentadbiran negeri. Ini dapat dilihat dalam

jadual yang disediakan menunjukkan beberapa orang Cina yang berperanan dalam jabatan-jabatan tertentu pada tahun 1924(SUK.K, 1924).

**Jadual 1.1**  
**Jumlah Kerani Cina dalam Pentadbiran Kedah, 1924**

Nama Pegawai	Jabatan	Gred
Lee Cheng San	State Council	Kerani Inggeris II
ChooHuan Chiang	State Council	Kerani Melayu II
TeohPeh Boon	Kesihatan	Kerani Inggeris III
Lee Swee Boon	Kewangan	Kerani Inggeris II
Lee Peng Kim	Kewangan	Kerani Inggeris III
Lee Liang Heng	Pendidikan	Kerani Inggeris III
Tan Beng Sian	Pendidikan	Kerani Inggeris III
LohSikKheng	Pos dan Telegraf	Kerani Inggeris III
Low An Han	Pos dan Telegraf	Kerani Inggeris III

Sumber : SUK.K, 885 / 1341, *Kedah Establishment 1924*

Berdasarkan jadual 1.1, menunjukkan jumlah kerani Cina yang berkhidmat dalam pentadbiran Kedah pada tahun 1924. Dalam tempoh ini hanya terdapat sembilan orang kerani Cina seperti mana yang telah dinyatakan dalam fail pentadbiran Kedah. Perbezaan jumlah tenaga kerja sangat ketara dalam setiap jabatan-jabatan sokongan Kedah. Majoriti tenaga kerja adalah orang Melayu. Sesuatu yang menarik di sini, terdapat juga orang Cina yang berpeluang berkhidmat sebagai kerani di *State Council*, iaitu Lee Cheng SandanChooHuan Chiang. Menurut jadual tersebut juga dapat dilihat penglibatan orang Cina dalam pelbagai jabatan dalam pentadbiran.

Sementara melihat dari aspek peranan pula, jawatan ini berperanan sebagai pencatat maklumat dalam fail dan melakukan kiraan indeks atau dapat dijelaskan mereka ini lebih diutamakan dalam hal berkaitan pejabat. Selain itu, peranan mereka juga sebagai *General Typist*, menguruskan laporan perbelanjaan tahunan, laporan tahunan, dan menterjemahkan Minit Mesyuarat Negeri(SUK.K, 1931).

Walau bagaimanapun, peranan mereka akan turut berubah sekiranya mendapat arahan daripada Ketua Setiausaha Negeri untuk bertugas di tempat lain. Misalnya pada tahun 1924, Tan Beng Sian yang bekerja sebagai kerani Inggeris III di Jabatan Pendidikan telah mendapat arahan untuk bertugas sebagai jurubahasa Cina. Beliau telah ditugaskan untuk melakukan pemeriksaan di ladang-ladang getah. Beliau juga dikehendaki untuk berkomunikasi dengan pemilik ladang getah iaitu berkaitan peraturan keluaran getah yang telah dikeluarkan oleh kerajaan. Pihak kerajaan ingin memastikan keluaran getah oleh semua ladang getah tidak mengalami masalah dan mengikut syarat. Kebanyakan pemilik ladang getah di Kedah adalah tauke-tauke Cina. Ini menyebabkan kekurangan dalam berbahasa Melayu telah menyukarkan pihak berkenaan memberi penerangan yang jelas kepada tauke-tauke Cina tersebut(SUK.K, 1924).

### **Jurubahasa Cina**

Jawatan jurubahasa Cina diwujudkan dalam pentadbiran disebabkan beberapa faktor. Pertama, kesan campur tangan British pada 1909 telah membawa kepada pertambahan imigran asing di Kedah terutamanya orang Cina. Ini disebabkan dasar keterbukaan yang dilakukan British telah membuka peluang imigran untuk datang ke Kedah. Pertambahan penduduk asing akan menyebabkan wujudnya masalah komunikasi antara kaum. Kedua, perkembangan jabatan-jabatan sokongan dalam pentadbiran juga menyebabkan wujudnya peluang pekerjaan termasuklah jawatan jurubahasa Cina. Dalam jawatan ini, penglibatan orang Cina banyak dilihat dalam institusi mahkamah, namun terdapat juga yang bekerja di pejabat-pejabat daerah serta jabatan-jabatan lain.

Orang Cina yang terlibat dalam jawatan ini diharuskan menduduki peperiksaan. Kenyataan ini juga dapat dilihat dalam Fail *Colonial Secretary Singapore* yang menyatakan bahawa tidak ada mana-mana calon juru bahasa Cina akan diterima menjawat jawatan tersebut sekiranya tidak menduduki peperiksaan kelayakan(CS, 340/79). Selain itu, dalam jawatan ini juga tahap seseorang pekerja juga mengikut tahap gred iaitu bermula dengan *Student Interpreter* gred I, II, dan III.

Dalam menjawat jawatan jurubahasa terdapat beberapa syarat kelayakan. Terdapat tiga gred iaitu gred I , II dan III serta peringkat permulaan sebagai *Student Interpreter*. Setiap gred tersebut mempunyai syarat-syaratnya tersendiri dan terdapat beberapa kelayakan yang harus dimiliki oleh setiap jurubahasa. Seorang jurubahasa yang memiliki kemahiran yang lebih baik misalnya dalam penguasaan pelbagai bahasa akan berkhidmat sebagai jurubahasa gred I . Dalam gred I ,setiap jurubahasa harus fasih dan mencapai tahap standard bahasa Melayu seperti percakapan dan penulisan, Hokkien dan Kantonis. Kedua, calon harus memiliki sedikit pengetahuan tentang karakter orang-orang Cina. Ketiga, calon harus mempunyai penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris yang mendalam(SUK.K,1930).

Manakala, bagi jurubahasa gred II pula, syarat kelayakannya juga seperti jurubahasa gred I . Misalnya, memerlukan kefasihan dalam percakapan dan penulisan dalam bahasa Melayu, Hokkien dan Kantonis. Kedua, sedikit pengetahuan mengenai bahasa Hakka dan Teochew untuk menterjemah bagi tujuan-tujuan biasa dan sederhana. Kemudian, kelayakan ketiga pula calon penterjemah harus memiliki kelebihan dalam perwatakan yang sesuai sebagai seorang penterjemah.

Sementara gred III merupakan gred juru bahasa yang terakhir. Dalam gred ini turut memiliki tiga syarat kelayakan bagi calon penterjemah. Syarat pertama, seorang calon itu haruslah menguasai bahasa Melayu, Hokkien dan Kantonis. Kedua, calon berkebolehan dan mampu membaca dan menulis dalam bentuk tulisan bahasa Melayu roman. Manakala kelayakan ketiga, calon sudah memiliki pengetahuan asas berkaitan dengan karakter orang.Berdasarkan syarat-syarat yang diperlukan ke atas calon juru bahasa di Kedah sememangnya telah menunjukkan sesuatu persediaan yang rapi dalam melakukan pemilihan yang terbaik.

Tambahan pula, dalam pekerjaan ini seseorang jurubahasa Cina didapati akan berkhidmat di pelbagai jabatan di dalam pentadbiran Kedah. Ini disebabkan, pertukaran jabatan adalah di atas permintaan jabatan lain bagi mengisi kekosongan jawatan yang ada. Selain itu, setiap jurubahasa juga dibenarkan untuk menduduki peperiksaan sekiranya mempunyai kelebihan dalam bahasa-bahasa lain seperti bahasa Siam, Haylam dan lain-lain. Pertukaran juru bahasa juga kerap berlaku seperti mana dalam laporan *Colonial Singapore* mengatakan setiap jurubahasa yang berkhidmat di bawah skim juru bahasa akan sentiasa mengalami pertukaran dari satu jabatan ke jabatan yang lain(CS, 340/79).

Seterusnya, bidang ini dilihat menjadi keperluan di mahkamah. Di mahkamah jurubahasa akan berperanan sebagai orang tengah dalam berkomunikasi bagi mengendalikan sesuatu kes. Misalnya, kes yang melibatkan orang Melayu, India dan orang Cina mengenai penyewaan tanah pertanian mahupun hutang. Keperluan terhadap jawatan ini dapat dilihat di beberapa jabatan di Kedah seperti dalam jadual yang disediakan.

**Jadual 1.2**  
**Jumlah orang Cina yang Berkhidmat sebagai Jurubahasa Cina di Kedah**

<b>Jabatan</b>	<b>1920</b>	<b>1923</b>	<b>1924</b>	<b>1925</b>	<b>1933</b>	<b>1934</b>	<b>1935</b>	<b>1936</b>
Pejabat Daerah	6	9	7	11	11	9	9	9
Mahkamah	2	4	4	4	5	5	5	5
Pelindung Orang Cina	-	1	-	1	1	1	1	1

Sumber: *Unfederated Malay State ( U. M. S ) Estimates, State of Kedah Estimates of the Revenue and Expenditure 1920, 1924, 1925, 1933, 1934 – 1936.*

Jadual 1.2 menunjukkan jumlah orang Cina yang berperanan sebagai jurubahasa Cina di tiga jabatan sokongan pentadbiran Kedah. Jumlah orang Cina yang terlibat adalah dalam jumlah yang kecil. Manakala, jumlah dari tahun ke tahun juga berlaku dalam peningkatan yang kecil. Setiap jumlah orang Cina tersebut menunjukkan keseluruhan penglibatan mereka di jabatan-jabatan. Misalnya, orang Cina diletakkan mengikut keperluan jabatan tertentu.

Pada tahun 1930-an, peraturan kenaikan gaji seorang jurubahasa Cina adalah berdasarkan beberapa syarat yang dikenakan. Pertama, menulis, kedua, membaca dan ketiga, boleh bercakap bahasa Siam sama ada dalam bahasa Siam Bangkok atau Siam Singgora. Kebolehan semua syarat ini akan membolehkan jurubahasa tersebut berkhidmat di dalam mahkamah. Kenyataan ini telah dinyatakan oleh Mohd Sheriff atau Tuan Haji Mohd Sheriff Osman (Khuzaini Khalid, 1986/1987) yang merupakan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK.K, 1932). Terdapat tujuh orang Cina yang mana nama mereka telah dihantar dan didaftar bagi menghadapi peperiksaan bahasa Siam.

**Jadual 2.4**  
**Jurubahasa Cina yang Boleh Bercakap Siam Singgoradan Siam Tempatan di Mahkamah 1932**

<b>Mahkamah</b>	<b>Nama Jurubahasa Cina</b>	<b>Lulus / Gagal</b>
Mahkamah Besar Alor Setar	Ong Ewe Beng	Lulus
Mahkamah Kubang Pasu	Chew Tang Ka	Gagal
Mahkamah Yan	Kok Sam Beng	Gagal
Mahkamah Sungai Petani	Cheah Chong Taik	Gagal
Mahkamah Kuala Nerang	Chew Cheng Yan	Lulus sebahagian
Mahkamah Baling	Chew Tean Boon	Lulus Sebahagian

Sumber : SUK.K, 1856 / 1351 , Appointment of an Official Siamese Examiner 1932

### **Kakitangan Sanitary Board**

Sanitary Board salah satu jabatan yang ditubuhkan bagi mengawal hal keselamatan dan kebersihan dalam negeri. Misalnya, pengawalan daripada berlakunya sebarang penyakit kepada masyarakat. Bermula penubuhan pertama di Alor Setar pada tahun 1908, jabatan ini terus berkembang induknya ke daerah-daerah lain. Bagi merealisasikan penubuhan lembaga ini, mereka yang berpengalaman dan menjawat dalam pentadbiran Kedah dipilih untuk menganggotai jabatan ini. Jabatan ini dipengerusikan oleh orang Melayu dan dari aspek keanggotaan pula adalah pelbagai kaum, misalnya Melayu, Cina dan India.

Pada 1908, orang Cina turut berperanan dalam *Sanitary Board* di Kedah. Kebanyakan mereka yang dilantik adalah dalam kalangan yang berpengaruh dan memiliki peranan besar dalam negeri Kedah. Misalnya, sebagai peniaga, pemilik ladang-ladang, pemilik kilang-kilang serta tauke-tauke ladang dan sebagainya. Terdapat dua orang Cina terawal dilantik menjadi anggota biasa dalam lembaga ini iaitu Cheng Kean dan Chiah Ki Hoon (KAR, 1909/1910). Mereka antara peniaga yang berjaya di Kedah.

Dalam aspek keanggotaan, mereka yang dilantik tersebut dalam kalangan pegawai rasmi dan tidak rasmi (SUK.K, 1935). Contohnya, Pegawai Daerah, Pegawai Kesihatan, Pelindung Orang Cina, Pegawai Tanah, dan lain-lain. Peranan utama jabatan ini adalah meliputi pelbagai aspek pemuliharaan kebersihan, kesihatan dan keselamatan di bandar seperti membersihkan jalan-jalan dan longkang, menyediakan tong-tong sampah dan bekalan air bersih kepada penduduk, menyediakan pasar bagi jualan bahan-bahan basah seperti daging dan ikan, menguruskan bangunan-bangunan yang kotor dan usang, mengangkut najis, menyediakan lampu jalan, tandas dan rumah mandi awam. Oleh itu, dalam memastikan setiap tugas tersebut berjalan dengan lancar, peranan kakitangan *Sanitary Board* amat diutamakan. Jalinan kerjasama pelbagai kaum dalam jabatan ini memudahkan tugas-tugas dilaksanakan dengan baik.

Pada 1908, antara anggota yang terawal dilantik menganggotai jabatan ini adalah Tunku Ibrahim sebagai Penggerusi, J. J. Fleury pula Setiausaha, Dr. A. L. Hoops, J. Gorman, Mr. P. F. Joyce, Cheng Kean, Chiah Ki Hoon, Haji Mustapha dan Che Mydin (KAR, 1909/1910). Dalam keanggotaan awal ini dapat dilihat dua orang Cina yang telah dilantik untuk berkhidmat dalam jabatan ini. Cheng Kean atau namasebenarnya Choong Cheng Kean salah seorang pelabur dan peniaga penting dalam negeri Kedah. Kejayaan beliau di Kedah sememangnya tidak dapat dinafikan apabila hasil pertumbuhan aktiviti ekonomi beliau telah membantu perkembangan ekonomi Kedah. Beliau turut terkenal dalam kerabat diraja mahupun pihak British. Walau bagaimanapun, terdapat ramai orang Cina yang kemudiannya dilantik dalam jabatan ini dan berdasarkan kajian dapat melihat dalam jabatan ini di setiap daerah hanya terdapat seorang atau dua sahaja orang Cina yang berkhidmat dalam jabatan tersebut. Mereka yang dilantik itu menjadi anggota biasa dalam lembaga tersebut.

**Jadual 2.3**  
**Jumlah orang Cina yang menganggotai Sanitary Board Tahun 1935**

Daerah	Anggota
Kota Setar	Dr. Cheah Toon Lock Mr. Lim Ewe Siang
Langkawi	Mr. Yap Hin Leong
Kubang Pasu	Mr. Poh Ah Tong
Padang Terap	Mr. Chong Ah Hian

Yan	Towkay Lok Ah Yap
Kuala Muda	Mr. Lim Boon How Mr. Lim Kian Leong
Baling	Mr. Tan Kim Huan
Kulim	Mr. Tan Ah Choy Mr. Soon Eng Kong

Sumber: SUK.K. 3395/1353, *Sanitary Board Members for 1935*

Mereka ini adalah peniaga-peniaga penting di Kedah misalnya Tauke Lim Boon How yang memiliki perniagaan keluarga antara Pulau Pinang dengan Kedah. Sementara itu, dalam pelantikan anggota ini orang-orang Cina didapati boleh menyuarakan bagi menentukan siapa komuniti mereka yang bersesuaian berkhidmat dalam Sanitary Board. Contohnya, Tauke Lim Boon How yang didapati memohon untuk menamatkan perkhidmatannya dalam *Sanitary Board* dan pihak kerajaan meluluskan permohonan beliau. Tempat beliau pula telah diganti oleh Mr. Lim Kian Leong apabila mendapat permintaan daripada orang Cina di Kuala Muda.

Dalam *Sanitary Board*, mereka turut berpeluang menyuarakan pendapat mahupun cadangan setiap kali mesyuarat *Sanitary Board* diadakan. Langkah pengawalan dalam negeri menjadi tanggungjawab bersama antara anggota untuk melakukan perbincangan dan melaksanakannya. Oleh itu, tugas yang dijalankan adalah berdasarkan arahan daripada pengurus lembaga, apabila setiap anggota diarahkan untuk melakukan pemantauan di kawasan yang dilaporkan bermasalah. Sering kali ditemui dalam minit kawasan yang membabitkan orang Cina, pengurus akan memastikan anggota Cina yang akan turun padang untuk menjalankan pemantauan. Misalnya, dalam isu rumah-rumah kedai yang dikatakan pemilik melakukan penambahan dengan mengikat bumbung atau genting di belakang rumah kedai dan telah menghalang kemasukan angin dan cahaya. Pengubahsuaian tersebut pula tidak mendapat kelulusan *Sanitary Board*. Arahan pemantauan dikeluarkan seperti yang berlaku di Sungai Petani pada tahun 1932. Tuan Pengurus mengarahkan anggota jabatan yang melibatkan pegawai kesihatan, pegawai jurutera dan Mr. Lim Kian Leong untuk melakukan pemeriksaan di kawasan rumah kedai tersebut. Kemudian turut diarahkan untuk membuat laporan mengenai kesalahan tersebut dan bahagian yang ditambah dan diubahsuai tersebut akan diruntuhkan segera(SUK.K,1932).

Setiap permohonan yang dikemukakan oleh pemohon akan dilakukan pemeriksaan terlebih dahulu bagi mencapai syarat-syarat yang dikenakan. Misalnya, dalam permohonan yang dilakukan oleh Boon Pah Kee yang telah memohon untuk membina parit di sekeliling panggung wayang yang diperbuat daripada kayu itu di Gurun. Permohonan tersebut telah diambil perhatian oleh pihak *Sanitary Board*. Tuan Pengurus yang berperanan dalam menentukan siapa anggota *board* yang ditugaskan untuk melakukan pemeriksaan itu.

Pembabitan orang Cina dalam *Sanitary Board* ini didapati menjadi keperluan. Ini disebabkan perkembangan perniagaan yang melibatkan orang Cina dilihat lebih besar jika dibandingkan dengan masyarakat lain di Kedah. Dengan pembabitan orang Cina yang berpengaruh dalam lembaga ini akan memudahkan aspek komunikasi antara kaum mereka. Walaupun jumlah penglibatan mereka lebih kecil berbanding dengan kaum lain, namun sangat memudahkan pihak lembaga dalam mengawal orang Cina yang semakin bertambah di Kedah.

## Kesimpulan

Peranan orang Cina dalam pentadbiran Kedah jelas dapat dilihat terutamanya selepas campur tangan British di Kedah. Jika pada abad ke-19, hanya terdapat beberapa individu sahaja yang terlibat dalam pentadbiran Kedah, namun abad ke-20 dapat dilihat pembabitan ramai orang Cina dalam pentadbiran Kedah terutamanya dalam bidang kerja pengkeranian dan jurubahasa. Walau bagaimanapun dengan tertubuhnya MMN pada tahun 1905 sistem pentadbiran Kedah lebih teratur misalnya dalam hal pengambilan kakitangan untuk ditempatkan dalam jabatan-jabatan sokongan. Dasar liberal yang digunakan oleh British juga telah menyebabkan pertambahan orang Cina dalam negeri Kedah. Ini menyaksikan banyak kawalan yang harus dilakukan walaupun peluang kerja diberikan kepada orang asing untuk berkhidmat dalam pentadbiran negeri. Di era Sultan Abdul Hamid ini menyaksikan juga ramai orang Cina yang berperanan sebagai pelabur, peniaga dan buruh. Sementara keperluan terhadap tenaga kerja dalam perkhidmatan adalah diperlukan seiring dengan pertambahan pelbagai jabatan sokongan dalam negeri yang telah membuka peluang kepada mereka yang berkelayakan untuk berkhidmat. Walau bagaimanapun, abad ke-20 orang Cina di Kedah lebih terkenal terlibat dalam sektor ekonomi yang semakin berkembang baik.

## Bibliografi

- Warisan Sejarah Kedah Darul Aman, Arkib Negara Malaysia, Ampang Press Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 2003.
- Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok, 2008.
- Wong Choong San, *A Gallery Of Chinese Kapitans*, Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan, Singapura, 1963.
- R. Bonney, *Kedah 1771-1821 : The Search For Security and Independence*, Oxford University Press 1971.
- Ismail bin Md Isa, *Sejarah Pekan Cina 1821-1945 : Asal Usul Penubuhan Dan Perkembangan Hingga Zaman Pendudukan Jepun*, Universiti Sains Malaysia, 1988/1989.
- Baharuddin Abdul Majid, Wan Mohammad Saman B. Wan Ismail 1870-1898, Kedah Dari Segi Sejarah, Jil. 8, Bil. 1, Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Kedah, April 1979.
- Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhamad Arshad, *Al-tarikh salasilah negeri Kedah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968.
- Khoo Kay Kim, Latar belakang sejarah masyarakat India dan China di Tanah Melayu, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, bil 1, 1971.
- Wu Xiaoa An, *Chinese Business in the Making of a Malay State, 1882-1941 Kedah and Penang*, London : Routledge Curzon, 2003.
- Ju-K'ang Tien, *The Chinese Of Sarawak A Study Of Social Structure*, Research & Resource Centre Committee SuppHeadquaters, Kuching, Sarawak, 1997.

FoziahBinti Hat, *Kedah Di Bawah Kepimpinan Sultan Ahmad Tajuddin ( II ) Mukarram Shah ( 1854-1879 )*, LatihanIlmiah, JabatanSejarah,FakultiSainsKemasyarakatan Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990 / 91.

SharomAhmat, "Traditional and Change in a Malay State : A Study of the Economic and Political Development 1878-1923", MBRAS, Kuala Lumpur, 1984.

Surat menyurat Sultan Abdul Hamid, Surat-Surat Pajak, T. M. 1827- 1887.

Wu Xiao An, A Prominent Penang Chinese Tow kay From Kedah 1857-1916: A Case Study of the Entrepreneur Choong Cheng Kean, The Penang History-International Conference 2002, 18-21 April 2002, The City Bayview Penang, Malaysia.

Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid, 1918 , No. 12 .

Fail Setiausaha Kerajaan Kedah (SUK.K) 1810 / 48 , By State Council on 26th June 1924 in Clerical Service.

SUK.K 885/1341, Kedah Establishment 1924

SUK.K, 201/1350, Proposal for Re-Organisation of Adviser's Office and Office Dalam, bertarikh 30 May 1931.

SUK.K, 2479/1342, Minutes of Meeting of the State Council held on 15 May 1924.

Colonial Secretary Singapore Files (CS) 340 / 79 , Relative to Chinese Interpreter.

SUK.K 2542/47 , Chinese Interpreters , By State Council on 16th Shawal, 1348 ( 17. 3. 1930 ).  
Government of Kedah Estimates, 1339 in Unfederated Malay States (U. M. S) Estimates 1339, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1920.

SUK.K,1856/1351 , Appointment of an Official Siamese Examiner.

Kedah Annual Report ( KAR ) 1909/1910

SUK.K 1212/1355, Annual Report on the Sanitary Board Office, Kota Star, for the Year 1935

SUK.K, 431/1351, Minutes of Meeting of Sanitary Board Kuala Muda, during 1932.